

Media Barat tetap burukkan Dunia Ketiga

BU 17 OCT 1991

HARARE, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini berkata media Barat akan terus berusaha memburuk-burukkan negara Dunia Ketiga termasuk negara Komanwel.

Menurutnya, mereka ini yang mempunyai pembaca dan pendengar di seluruh dunia sering mempersoalkan isu seperti hak asasi manusia dan demokrasi yang dikatakan tidak ada di negara membangun sedangkan mereka sendiri masih tidak mengamalkannya.

"Mereka sendiri mahu menetapkan definasi setiap isu yang ditimbulkan dan menggecop sesiapa saja yang tidak termasuk dalam definasi itu, sebagai tidak demokratik dan menekan hak asasi manusia," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian selepas menghadiri majlis minum pagi yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Sukan Komanwel.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, tindakan media Barat itu termasuk Badan Penyiaran British (BBC) mampu memberi kesan dan mempengaruhi pandangan terhadap negara yang menjadi mangsa.

"Umpamanya, malam tadi saya ditemuramah melalui telefon oleh BBC mengenai hak asasi dan demokrasi. Bagi saya, temuramah itu berat sebelah dan tidak berniat jujur

berikutan cara temuramah itu dijalankan.

"Setelah BBC menanyakan soalan, saya terpaksa menjawab menerusi kaca televisyen di hadapan saya. Jawapan itu tidak didengar oleh wartawan di London dan saya terpaksa menjawab semula menerusi telefon," katanya.

Perdana Menteri berkata, dalam temuramah itu, BBC mempersoalkan kedudukan kebanyakan negara membangun yang pada pandangan mereka bertentangan dengan kerajaan yang baik. Menurut mereka, majoriti kerajaan dalam Komanwel tidak mempunyai kerajaan yang baik dan melainkan kita memperbaiki keadaan itu, maka kita tidak sesuai berada dalam kerajaan.

Ini bermakna, katanya, kerajaan yang baik dalam Komanwel tidak wujud. "Ini menggambarkan seolah-olah mereka ingin menyatakan kerajaan yang baik hanya ada dalam anggota sebelum moden Komanwel iaitu Britain, Kanada, Afrika Selatan, New Zealand dan Australia.

"Saya rasa ini adalah perkauman seperti mana yang dinyatakan oleh BBC. Bagaimanapun, saya tidak terperanjat apabila BBC mencadangkan Komanwel seperti itu.

"Mereka berpendapat mereka mempunyai hak untuk menentukan syarat dan peratu-

ran. Jika kita gagal mengikut perkara itu, kita perlu keluar daripada Komanwel.

"Jika itu yang mereka fikirkan, kita boleh terima dengan mengambilkira syarat itu sama seperti yang diamalkan dalam negara Komanwel sekarang. Tetapi jika ia hanya eksklusif dengan menyatakan mereka saja pengamal demokrasi, kerajaan yang baik dan memperjuangkan hak asasi manusia, kita perlu memikirkan semula mengenai perkara itu," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, erti demokrasi perlu difahami dalam ertikata sebenarnya tanpa melabelkan negara tertentu tidak demokrasi apabila melaksanakan cara mereka.

Menurutnya, soalan yang dikemukakan bertujuan memutarbelitkan keadaan sebenarnya bagi memastikan hasrat mereka untuk mengatakan Malaysia sebuah negara yang tidak demokratik tercapai.

Menjawab soalan sama ada nama negara yang tidak demokratik itu termasuk Australia dan New Zealand, Perdana Menteri berkata: "Tiada disebut mengenai kedua-dua negara itu tetapi mengaitkan Malaysia dan beberapa negara Afrika Selatan tidak mempunyai kerajaan yang baik dan tidak demokrasi," katanya.